

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN (PAGOH)**  
**PERTANYAAN : LISAN**  
**TARIKH : 15.11.2017**

**Y.B. TAN SRI DATO' HAJI MUHYIDDIN BIN MOHD. YASSIN [ PAGOH ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah wajar Kerajaan memberhentikan perlumbaan 'Formula One' yang banyak memberikan pulangan kepada Negara terutamanya dalam mempromosikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan pilihan sejak dari tahun 1999; sedangkan projek-projek mega lain seperti 'East Coast Rail Link' (ECRL) dan Bandar Malaysia masih diteruskan dalam keadaan ekonomi Negara yang 'tidak begitu baik' (seperti dinyatakan oleh Perdana Menteri dalam sidang media Formula 1 Sepang pada 1 Oktober 2017).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Sepang International Circuit Sdn Bhd (SIC) telah ditubuhkan pada 23 Januari 1998, merupakan sebuah syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan di mana syarikat ini telah diambil alih daripada Malaysia Airports Holding Berhad pada 2009 melalui Perjanjian Penjualan Saham SIC yang dimeterai pada 22 April 2009. Tujuan penubuhan SIC adalah untuk mengembangkan industri sukan bermotor di Malaysia dengan menganjurkan Kejohanan F1 dan MotoGP mulai tahun 1999. Kementerian Kewangan (MOF) pada 15 Disember 2014 telah bersetuju untuk melanjutkan kontrak penganjuran F1 kepada SIC bagi tempoh tiga tahun iaitu bermula dari tahun 2016 hingga 2018.

Buat masa ini, perlumbaan Formula 1 wajar dihentikan disebabkan oleh beberapa faktor utama. Antaranya adalah kerana terdapat lima perlumbaan F1 di benua Asia seperti Jepun, China, Bahrain, Abu Dhabi dan Singapura (paling hampir dengan Malaysia) berbanding dahulu di mana hanya Malaysia dan Jepun sahaja yang menganjurkan perlumbaan F1. Kedudukan lokasi ini menyebabkan kemerosotan jumlah kehadiran penonton tempatan dan antarabangsa bagi menyaksikan perlumbaan tersebut.

Di samping itu, pulangan kepada negara sebagai tuan rumah didapati tidak setimpal dengan kos penganjuran yang telah meningkat sebanyak 10 kali ganda berbanding kali pertama ia diadakan. Tambahan pula, kejatuhan nilai mata wang Ringgit turut memberi impak kepada peningkatan kos yang harus ditanggung oleh pihak Kerajaan.

Selain itu, kajian turut mendapati bahawa terdapat penurunan bagi jumlah peratusan penonton di media elektronik secara global bagi perlumbaan F1 di Malaysia di mana keadaan ini secara tidak langsung menunjukkan sukan ini tidak lagi relevan untuk dianjurkan di Malaysia.